

11 OCT 1999

Speaker-Iran

PELAJARI TERNAKAN DARI IRAN, KATA SPEAKER

KUALA LUMPUR, 11 Okt (Bernama) -- Malaysia mungkin boleh mendapatkan pengetahuan mengenai industri ternakan daripada Iran, kata Speaker Dewan Rakyat, Tun Mohamed Zahir Ismail.

"Iran adalah sebuah negara besar dengan penduduk yang sangat ramai, dan ia mempunyai rakyat yang berkemahiran untuk membantu kita," katanya selepas menerima kunjungan rombongan Iran yang diketuai oleh Dr Hassan Rouhani, Naib Speaker Pertama Dewan Perundangan Iran di pejabatnya, di sini, hari ini.

Mohamed Zahir berkata walaupun Iran adalah sebuah negara separa padang pasir, ia berjaya di dalam industri ternakan dan kini mempunyai bekalan daging dan susu yang mencukupi untuk menampung semua penduduknya di seluruh negara itu.

"Saya tidak tahu sama ada kita dapat laksanakannya di sini berikutan kawasan tanah yang terhad, tetapi mungkin Sabah dan Sarawak dapat mewujudkan industri ini kerana adanya tumpuan besar dan potensi pembangunan ekonomi di sana," katanya.

Mohamed Zahir berkata antara lain, mereka membincangkan mengenai dunia Islam dan cara untuk memperkukuhkan hubungan antara kedua-dua negara.

Rombongan itu dijadualkan mengunjungi Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Menteri Pertahanan Datuk Abang Abu Bakar Mustapha petang ini.

Semasa lawatan tujuh hari ke negara ini, mereka juga akan melawat Menara Kembar Petronas dan Polis DiRaja Malaysia sebelum berlepas ke Langkawi dan mengunjungi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Jumaat di Putrajaya.

Ketua Pengarah Bahagian Asia Tenggara Kementerian Hal Ehwal Luar, Siavash Zargar Yaghobi, Setiausaha Suruhanjaya Asing mengenai Majlis Keselamatan Kebangsaan, Houssein Mosaveian dan dua anggota Parlimen Mohammad Reza Bahonar dan Mohammad Reza Jafari ialah antara delegasi itu.

-- BERNAMA

NHA NAK